

TEKS UCAPAN

YBHG. DATIN LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR

KETUA PENDAFTAR

MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

DI

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN PKPMP

BULAN APRIL TAHUN 2016

11 APRIL 2016 (ISNIN)

DEWAN BANQUET

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat pagi, Salam Sejahtera & Salam 1 Malaysia.

SALUTASI

Terima kasih kepada saudara Pengacara Majlis dan saudara pembaca doa yang telah memimpin bacaan doa pada pagi ini, Pegawai Tertinggi PKPMP, Pegawai dan Kakitangan warga PKPMP yang saya kasihi sekalian.

PENGENALAN

1. Pertamanya marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah rahmat serta keizinan-Nya juga, dapat kita berhimpun hari ini untuk menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan PKPMP bagi Bulan April 2016.

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan sekalian,

2. Perlu saya memaklumkan hari ini bahawa mulai daripada 15 Mac 2016, PKPMP telah menyusun semula Carta Organisasi secara pentadbiran yang memperlihatkan penambahan beberapa jawatan dan bahagian baharu.
3. Suka saya memperkenalkan kepada semua, barisan kepimpinan baru PKPMP dan bahagian-bahagian yang diwujudkan:
 - a. YBrs. Puan Rohani binti Ismail selaku Timbalan Ketua Pendaftar I (Operasi);
 - b. YBrs. Tuan Aslam bin Zainuddin selaku Timbalan Ketua Pendaftar II (Polisi);
 - c. YBrs. Puan Sabariah binti Othman selaku Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya menggantikan Tuan Aslam bin Zainuddin;

- d. YBrs. Tuan Dean Wayne Daly selaku Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak menggantikan Tuan Ismail bin Brahim;
- e. YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Kamarudin selaku Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya menggantikan Puan Sabariah binti Othman;
- f. YBrs. Tuan Zamri bin Misman selaku Pengarah Bahagian Pengurusan menggantikan Puan Normah binti Sheikh Abdullah. Selamat kembali dan tahniah atas kenaikan pangkat;
- g. Beberapa Bahagian baru ditubuhkan iaitu:
 - i. Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Pelaporan yang diketuai oleh YBhg. Datin Zalita binti Dato' Zaidan selaku Pengarah Bahagian;

- ii. Pejabat Ketua Hakim Negara digabungkan dengan Bahagian Penyelidikan diketuai oleh Puan Wan Fadhilah Nor binti Wan Idris selaku Pengarah Bahagian;
 - iii. Bahagian Naziran dan Siasatan Am yang diketuai oleh Tuan Mohd Kafli bin Che Ali selaku Pengarah Bahagian;
 - iv. Unit Perancangan Strategik dan Inovasi yang diketuai oleh Tuan Muhammad Zaki bin Abdul Kudos selaku Timbalan Pengarah.
3. Saya berharap dengan pengenalan carta organisasi yang baru ini dapat mempertingkatkan lagi kecekapan dan pengurusan pentadbiran PKPMP. Insya Allah.

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan sekalian,

4. Berkaitan dengan Pertukaran Pegawai-Pegawai Dan Kakitangan PKPMP.

5. Pertukaran sama ada yang melibatkan pegawai mahupun kakitangan PKPMP. Pertukaran adalah merupakan salah satu fungsi pengurusan sumber manusia yang penting. Pegawai akan dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang sekiranya ditempatkan di jawatan yang bersesuaian dengan kompetensinya, seterusnya memperkaya dan memperluaskan tugas iaitu *job enrichment and job enlargement* seterusnya memperluaskan net-working pegawai dan kakitangan terlibat.

6. Seperti Arahan Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) baru-baru ini dan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2014. Pertukaran akan dijalankan bagi pegawai / kakitangan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan sensitif dan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun tetapi tidak melebihi 8 tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan bukan sensitif.

7. Tetapi perlu diingat bahawa, atas kepentingan perkhidmatan, Ketua Jabatan juga boleh menukar pegawai / kakitangan, tanpa mengambil kira tempoh masa yang dinyatakan sebentar tadi. Oleh yang demikian bagi setiap pertukaran yang berlaku bukanlah dibuat secara melulu tetapi ianya telah melalui proses pertimbangan Ketua Jabatan sebelum sesuatu arahan pertukaran dikeluarkan.

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan sekalian,

Untuk makluman:-

DASAR BERKURSUS 7 HARI SETAHUN

8. Selaras dengan langkah merasionalisasikan Perkhidmatan Awam serta mengoptimumkan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan, dimaklumkan bahawa pelaksanaan dasar berkursus tujuh (7) hari setahun bagi semua anggota Perkhidmatan Awam

seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 ‘Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam’ adalah ditangguhkan. Namun demikian, ini bukan bermakna YBhg. Dato’ / Datin / Tuan / Puan tidak perlu menghadiri langsung sebarang kursus kerana rekod kehadiran berkursus masih perlu diisi di dalam borang Penilaian Prestasi Tahunan masing-masing.

9. Perlu juga saya maklumkan di sini mengenai Pekeliling Perbendaharaan PB 3.3: "Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan".

10. Untuk makluman semua, pihak kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan selaras dengan keadaan perkembangan semasa ekonomi serantau dan bagi memastikan sasaran fiskal yang ditetapkan oleh kerajaan masih dapat dicapai.

11. Oleh yang demikian, semua warga PKPMP diminta untuk mengambil perhatian terhadap semua langkah-langkah penjimatan yang telah disenaraikan di dalam garis panduan tersebut seperti kawalan terhadap tuntuan elaun lebih masa, tuntutan perjalanan dan perbelanjaan utiliti. Walaubagaimanapun suka saya memaklumkan bahawa berita baik mengenai pemberian dua kali KGT (Kenaikan Gaji Tahunan) yang akan diberi kepada semua Penjawat Awam pada bulan Julai 2016 seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan belanjawan 2016 tetap akan diteruskan walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil. Tahniah semua.

12. Berkenaan Langkah-Langkah Pencegahan Insiden Pengaliran Keluar Maklumat Terperingkat Kerajaan. Untuk makluman semua, pihak kerajaan melalui Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 20 Januari 2016 telah menggariskan langkah-langkah untuk menambah baik sistem pengurusan keselamatan komputer rasmi Jabatan memandangkan terdapat

banyak insiden pengaliran keluar maklumat terperingkat kerajaan kepada pihak yang berkepentingan tanpa kebenaran. Antara langkah-langkah yang perlu diambil tindakan oleh seluruh warga PKPMP adalah seperti membudayakan pengurusan kata laluan menerusi penukaran kata laluan yang kerap, memastikan konfigurasi ICT mengikut amalan terbaik dan meluaskan pemantauan keselamatan siber ke atas semua peralatan ICT.

13. Saya juga ingin menegaskan di sini, berkaitan Pematuhan Waktu Bekerja Di Sekitar Putrajaya Dan Dengkil.

14. Untuk makluman semua, Ketua Setiausaha Negara sangat menekankan usaha bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan memenuhi keperluan para pelanggan. Sehubungan dengan itu pihak MAMPU telah melaksanakan program Mystery Shopping secara berkala bagi memantau pematuhan waktu bekerja oleh penjawat awam supaya

tidak berada di medan selera awam atau tempat-tempat yang tidak dibenarkan semasa waktu Pejabat terutamanya di sekitar Putrajaya dan Dengkil.

15. Warga PKPMP adalah diingatkan untuk memberi perhatian dan menggunakan waktu bekerja seharian dengan sepenuhnya. Pematuhan kepada waktu bekerja perlu diberi perhatian serius oleh setiap daripada kita selaku penjawat awam yang cemerlang.

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan sekalian,

Berkaitan pengiktirafan dan kejayaan PKPMP

16. Untuk makluman semua, PKPMP telah diberikan Anugerah Top FPX Merchant Award bagi tahun 2015 oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear), sebuah anak syarikat di bawah Bank Negara Malaysia. Anugerah tersebut telah disampaikan dalam satu majlis yang diadakan pada 4 Mac 2016.

17. Financial Process Exchange atau FPX ini adalah satu instrumen pembayaran yang dibangunkan bagi mewujudkan satu ekosistem pembayaran bersepadu yang akan meningkatkan kecekapan ekonomi negara. Penggunaan FPX ini juga membantu Malaysia dalam memupuk kepercayaan dan menggalakkan keyakinan pelabur untuk melabur ke dalam pasaran negara.

18. Dengan pengiktirafan ini, PKPMP telah disenaraikan sebagai antara pengguna sistem FPX terbanyak bagi agensi kerajaan dengan nilai transaksi urusniaga berjumlah RM 56.6 juta. Kesemua transaksi urusniaga ini adalah menerusi penggunaan sistem e-filing. Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang berusaha gigih dalam memastikan sistem e-filing yang dibangunkan dapat digunakan dengan sempurna. Syabas sekali lagi kepada Bahagian e-Kehakiman dan Bahagian Teknologi Maklumat.

19. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Puan Mazni binti Nawi, Ketua Unit Integriti atas pentauliahan beliau sebagai Pegawai Integriti Bertauliah / Certified Integriti Officer (CeIO) yang pertama di PKPMP. Untuk makluman semua Program Pegawai CeIO ini adalah merupakan program yang diwujudkan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia bertujuan untuk memberi latihan kepada pegawai sesebuah organisasi awam atau swasta bagi melahirkan Pegawai Integriti Bertauliah yang pakar dalam bidang pencegahan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.

20. Dengan adanya pegawai-pegawai yang diiktiraf sebagai CeIO maka aspirasi PKPMP untuk meningkatkan integriti pegawai dan organisasi akan secara langsung dapat dicapai. Oleh yang demikian, bagi tahun-tahun akan datang saya berharap agar ramai lagi pegawai PKPMP yang diiktiraf sebagai CeIO. Untuk tujuan itu saya telah mengarahkan agar Pengarah Pengurusan, Tuan Zamri bin Misman dan Unit Latihan dan Pembangunan

Kapasiti Kehakiman untuk membuat engagement dengan pihak Akademi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah agar satu kerjasama diadakan bagi melatih lebih ramai pegawai-pegawai PKPMP menjadi CeIO dalam masa beberapa tahun ini, yang mana secara tidak langsung akan melahirkan pegawai undang-undang yang cemerlang memiliki jatidiri yang tinggi.

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan sekalian,

Terdapat beberapa teguran oleh Jabatan Audit Negara terhadap PKPMP.

21. Untuk makluman semua, pengauditan Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2015 telahpun dijalankan oleh Jabatan Audit Negara ke atas PKPMP dari 15 Februari 2016 hingga 7 Mac 2016. Melalui laporan yang telah disediakan oleh pihak Jabatan Audit Negara, secara keseluruhan prestasi pematuhan PKPMP adalah baik bagi kawalan bajet, perolehan dan amanah/deposit.

Tahniah diucapkan kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam Kawalan Pengurusan Kewangan dan Kawalan Perbelanjaan yang diiktiraf oleh pihak Audit sebagai berstatus sangat baik.

22. Pihak Audit telah menasihatkan PKPMP untuk mempertingkatkan pemantauan terhadap kawalan terimaan, pengurusan aset dan stor serta pengurusan kenderaan kerajaan. Oleh yang demikian saya berharap Bahagian-Bahagian yang bertanggungjawab dapat menyemak semua penemuan Audit tersebut serta mengambil tindakan terhadap teguran dan syor yang telah diberikan dalam mempertingkatkan dan memantapkan lagi pengurusan PKPMP.

Sekian sahaja ucapan saya untuk perhimpunan kali ini.

Saya Sudah dengan Wabilahi Taufiq Wal Hidayah,
Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.